

إيساغوجي
ISAGHUJI

أثير الدين المفضل بن عمر الأبهري

Athīr al-Dīn al-Mufaddal ibn ‘Umar al-Abharī

**Terjemahan Teks Berselarian
Bahasa Melayu-Bahasa Arab**

Penterjemah:
Mohd Syahmir Alias

Isaghuji
(Pengantar)

Athīr al-Dīn al-Mufaddal ibn ‘Umar al-Abharī

www.tedisobandi.blogspot.com

Cetakan Pertama 2021
© Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Falsafah dan Tamadun,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Tel.: +604-6533888 | Faks.: +604-6563707
E-mel: philosophycivilisation@gmail.com
<https://falsafahtamadunsm.blogspot.com/>

Kandungan

Kandungan	iii
Bahagian I: Prakata Penulis	1
Bahagian II: Ungkapan (Terma)	2
Bahagian III: Pernyataan (Proposisi)	8
Bahagian IV: Silogisme	13
Bahagian V: Seni Hujahan	18

Bahagian I

Prakata Penulis

1. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Mengasihani. .1
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
2. Kami memuji Allah Taala di atas taufik-Nya dan kami memohon hidayah menuju jalan-Nya. Kami berselawat ke atas junjungan kami, Muhammad dan keluarganya sekalian. .2
نَحْمَدُ اللَّهَ تَعَالَى عَلَى تَوْفِيقِهِ. وَنَسْأَلُهُ
هُدَايَةَ طَرِيقِهِ. وَنُصَلِّي عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَّتْ رِجْلَاهُ أَجْمَعِينَ.
3. Demikianlah, risalah ini adalah tentang ilmu mantik. Kami kemukakan dalamnya perkara yang perlu dibangkitkannya kepada sesiapa yang mula mempelajari apa jua ilmu pengetahuan. .3
وَبَعْدُ فَهَذِهِ رِسَالَةٌ فِي الْمَنْطِقِ. أُورِدْنَا فِيهَا
مَا يَجِبُ اسْتِحْضَارُهُ لِمَنْ يَبْتَدِئُ فِي شَيْءٍ
مِنَ الْعُلُومِ.
4. Kami memohon bantuan Allah Taala kerana sesungguhnya Dialah Pemberi segala kebaikan dan kurniaan. .4
مُسْتَعِينًا بِاللَّهِ تَعَالَى، إِنَّهُ مُفِيضُ الْخَيْرِ
وَالْحَوْذِ.

Bahagian II

Ungkapan (Terma)

5. Ungkapan penunjuk secara **berlengkap** merujuk kepada perkara yang tepat baginya, manakala **ungkapan penunjuk secara berangkaian** merujuk kepada perkara yang sebahagian baginya dan **ungkapan penunjuk secara bersangkutan** merujuk kepada perkara yang lazim baginya di dalam minda.

5. اللَّفْظُ الدَّالُّ يَدُلُّ عَلَى تَمَامِ مَا وُضِعَ لَهُ بِالمَطَابَقَةِ. وَهُوَ عَلَى جُزْئِهِ بِالتَّصْمُنِ إِنْ كَانَ لَهُ جُزْءٌ. وَعَلَى مَا يَلْزِمُهُ فِي الدَّهْنِ بِالمَلْتِزَامِ.

6. Sebagaimana ungkapan “manusia”, ia merujuk kepada “haiwan yang berfikir” secara **berlengkap**, manakala ia merujuk kepada salah satu daripada “haiwan yang berfikir” (sama ada “haiwan” atau “yang berfikir”) secara **berangkaian** dan merujuk kepada “penerima ilmu” dan “pencipta tulisan” secara **bersangkutan**.

6. كَمَا لِلْإِنْسَانِ فَإِنَّهُ يَدُلُّ عَلَى الْحَيَوَانِ النَّاطِقِ بِالمَطَابَقَةِ، وَعَلَى أَحَدِهِمَا بِالتَّصْمُنِ. وَعَلَى قَابِلِ التَّعَلُّمِ، وَصِنَاعَةِ الْكِتَابَةِ بِالمَلْتِزَامِ.

7. Berikutnya, ungkapan adalah sama ada **ungkapan mufrad** iaitu ungkapan yang tidak menghendaki daripadanya bahagian lain untuk merujuk kepada maknanya, misalnya ungkapan “manusia”; ataupun ia adalah **ungkapan murakab** iaitu ungkapan yang menghendaki bahagian lain untuk merujuk

7. ثُمَّ اللفظُ إما مُفْرَدٌ وَهُوَ الَّذِي لَا يُرَادُ بِالْجُزْءِ مِنْهُ دِلَالَةٌ عَلَى جُزْءٍ مَعْنَاهُ كَالْإِنْسَانِ. وَإِذَا مُؤَلَّفٌ وَهُوَ الَّذِي لَا يَكُونُ كَذَلِكَ كَرَامِي الْحِجَارَةِ.

kepada maknanya, misalnya ungkapan “pelempar batu”.

8. **Ungkapan mufrad** adalah sama ada **ungkapan sejagat (universal)** iaitu ungkapan yang tidak mencegah daripada predikasi konsepnya kepada perkara-perkara yang dikongsi dengannya; ataupun ia adalah **ungkapan berjuzuk (partikular)** iaitu ungkapan yang mencegah predikasi konsepnya dengan yang lain, misalnya kata nama khas “Zaid”.

8. **وَالْمُفْرَدُ إِمَّا كَلْبِيٌّ وَهُوَ الَّذِي لَا يَمْتَعُ نَفْسُ تَصَوُّرٍ مَفْهُومِهِ مِنْ وَقْعِ الشَّرَكَةِ فِيهِ. وَإِمَّا جُزْئِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يَمْتَعُ نَفْسُ تَصَوُّرٍ مَفْهُومِهِ مِنْ ذَلِكَ كَزَيْدٍ عَلَمًا.**

9. **Ungkapan sejagat** adalah sama ada **ungkapan berzat (esensial)** iaitu ungkapan yang terbenam di dalam hakikat jujuk-juzuknya, misalnya ungkapan “haiwan” yang dikaitkan dengan “manusia” dan “kuda”; ataupun ia adalah **ungkapan beraral (aksidental)** iaitu ungkapan yang berselisihan dengan ungkapan berzat, misalnya “sesuatu yang tertawa” yang dikaitkan dengan “manusia”.

9. **وَالْكَلْبِيُّ إِمَّا ذَاتِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يَدْخُلُ فِي حَقِيقَةِ جُزْئِيَّاتِهِ. كَالْحَيَوَانَ بِالتَّسْبِيَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَالْفَرَسِ. وَإِمَّا عَرَضِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يُخَالِفُهُ كَالصَّاحِكِ بِالتَّسْبِيَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ.**

10. **Ungkapan berzat** adalah sama ada **genus** yang diungkapkan kepada jawapan “apakah ia?” berdasarkan perkongsian tulen. Genus ditakrifkan sebagai ungkapan sejagat yang diungkapkan kepada perkara-

10. **وَالذَّاتِيُّ إِمَّا مَقُولٌ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بِحَسَبِ الشَّرَكَةِ الْمُحْضَةِ. كَالْحَيَوَانَ بِالتَّسْبِيَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَالْفَرَسِ. وَهُوَ الْجِنْسُ وَيُرْسَمُ**

perkara yang pelbagai dan berbeza-beza hakikatnya yang merupakan jawapan kepada “apakah ia?”, misalnya “haiwan” yang menjadi jawapan kepada “apakah itu manusia dan kuda?”;

بِأَنَّهُ كَلِمَةٌ مَّفْعُولٌ عَلَى كَثِيرِينَ مُخْتَلِفِينَ
بِالْحَقَائِقِ فِي جَوَابِ مَا هُوَ .

11. ataupun **spesies** yang diungkapkan kepada jawapan “apakah ia?” berdasarkan perkongsian dan pengkhususan bersama. Spesies ditakrifkan sebagai ungkapan sejagat yang diungkapkan kepada perkara-perkara yang pelbagai dan berbeza-beza identitinya, bukan hakikatnya yang merupakan jawapan kepada “apakah ia?”, misalnya “manusia” yang menjadi jawapan kepada “apakah itu Zaid dan Amri?”;

11. وَإِمَّا مَفْعُولٌ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بِحَسَبِ
الشَّرِكَةِ وَالْحُصُوصِيَّةِ مَعًا. كَالْإِنْسَانِ
بِالنِّسْبَةِ إِلَى أَفْرَادِهِ نَحْوُ زَيْدٍ وَعَمْرٍو. وَهُوَ
النَّوْعُ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كَلِمَةٌ مَّفْعُولٌ عَلَى كَثِيرِينَ
مُخْتَلِفِينَ بِالْعَدَدِ دُونَ الْحَقِيقَةِ فِي جَوَابِ مَا
هُوَ .

12. ataupun **fasal (diferensia)** yang diungkapkan kepada jawapan “apakah ia?” bahkan juga “yang manakah zat sesuatu itu?” dan ia membezakan sesuatu itu pada perkongsian dalam genus. Fasal ditakrifkan sebagai ungkapan sejagat yang diungkapkan kepada sesuatu yang merupakan jawapan kepada “yang manakah satu zat sesuatu itu?”, misalnya “sesuatu yang berfikir” yang menjadi jawapan kepada “yang manakah zat manusia?”.

12. وَإِمَّا عَيْزٌ مَّفْعُولٌ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بَلْ
مَّفْعُولٌ فِي جَوَابِ أَيِّ شَيْءٍ هُوَ فِي ذَاتِهِ
وَهُوَ الَّذِي يُمَيِّزُ الشَّيْءَ عَمَّا يُشَارِكُهُ فِي
الْجِنْسِ. كَالنَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ.
وَهُوَ الْفَصْلُ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كَلِمَةٌ يُقَالُ عَلَى
الشَّيْءِ فِي جَوَابِ أَيِّ شَيْءٍ هُوَ فِي ذَاتِهِ.

13. **Ungkapan beraral** adalah sama ada **ungkapan aral lazim** iaitu ungkapan yang mencegah pemisahannya daripada zat (mahiyah/keapadaan); ataupun **ungkapan aral mufarik** iaitu ungkapan yang memisahkan daripada zat.

13. وَأَمَّا الْعَرَضِيُّ فِيمَا أَنْ يَمْتَنِعَ انْفِكَاهُ عَنِ
الْمَاهِيَةِ، وَهُوَ الْعَرَضُ اللَّازِمُ. أَوْ يَمْتَنِعَ وَهُوَ
الْعَرَضُ الْمَفَارِقُ.

14. Setiap satu daripadanya adalah sama ada **ungkapan aral khasah (sejagat eksklusif/properti)** iaitu ungkapan terkhusus kepada hakikat yang tunggal, misalnya aral “sesuatu yang tertawa” adalah bagi “manusia” secara perbakaan (berpotensi) dan perbuatan (aktual). Ungkapan aral khasah ditakrifkan sebagai ungkapan sejagat yang diucapkan kepada apa jua yang berada di bawah satu hakikat sahaja dengan kata yang beraral;

14. وَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا إِذَا أَنْ يَخْتَصَّ بِحَقِيْقَةٍ
وَاحِدَةٍ وَهُوَ الْخَاصَّةُ كَالضَّاحِكِ بِالْقُوَّةِ
وَالْفِعْلِ لِلْإِنْسَانِ. وَتُرْسَمُ بِأَنَّهَا كَلِيَّةٌ تُقَالُ
عَلَى مَا تَحْتَ حَقِيْقَةٍ وَاحِدَةٍ فَقَطُّ قَوْلًا
عَرَضِيًّا.

15. ataupun **ungkapan aral am (sejagat umum/aksiden)** iaitu ungkapan terumum kepada hakikat-hakikat di atas hakikat yang tunggal, misalnya aral “sesuatu yang bernafas” yang dikaitkan dengan “manusia” dan selainnya dalam kalangan “haiwan-haiwan” secara perbakaan dan perbuatan. Ungkapan aral am ditakrifkan sebagai ungkapan sejagat yang diucapkan kepada apa jua yang

15. وَإِمَّا أَنْ يَعْصَمَ حَقَائِقَ فَوْقَ وَاحِدَةٍ وَهُوَ
الْعَرَضُ الْعَامُّ كَالْمَتَنَفِّسِ بِالْقُوَّةِ وَالْفِعْلِ
بِالنَّسْبَةِ لِلْإِنْسَانِ وَغَيْرِهِ مِنَ الْحَيَوَانَاتِ.
وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كَلِيٌّ يُقَالُ عَلَى مَا تَحْتَ
حَقَائِقَ مُخْتَلِفَةٍ قَوْلًا عَرَضِيًّا.

berada di bawah hakikat-hakikat yang berlainan dengan kata yang beraral.

16. **Takrif (berzat)** ialah ungkapan yang merujuk kepada zat (mahiyah/keapadaaan) sesuatu.

16. **الْحَدُّ قَوْلٌ دَالٌّ عَلَى مَا هِيَ الشَّيْءُ.**

17. **Takrif (berzat) sempurna** tergabung daripada genus terhampir sesuatu perkara dan fasal terhampirnya, misalnya “hidupan yang berfikir” dikaitkan dengan “manusia”.

17. **وَهُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ وَفَصْلِهِ الْقَرِيبَيْنِ كَالْحَيَوَانَ النَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ. وَهُوَ الْحَدُّ النَّامُ.**

18. **Takrif (berzat) tidak sempurna** tergabung daripada genus terjauh sesuatu perkara dengan fasal terhampirnya, misalnya “jasmani yang berfikir” dikaitkan dengan “manusia”.

18. **وَالْحَدُّ النَّاقِصُ وَهُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ الْبَعِيدِ وَفَصْلِهِ الْقَرِيبِ كَالْحَيْسَمِ النَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ.**

19. **Takrif (bukan berzat) sempurna** tergabung daripada genus terhampir sesuatu perkara dan khasah lazimnya, misalnya “hidupan yang tertawa” menjadi takrif “manusia”.

19. **وَالرَّسْمُ النَّامُ وَهُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ الْقَرِيبِ وَخَوَاصِّهِ اللَّازِمَةِ لَهُ كَالْحَيَوَانَ الصَّاحِكِ فِي تَعْرِيفِ الْإِنْسَانِ.**

20. **Takrif (bukan berzat) tidak sempurna** tergabung daripada aral-aral yang terkhusus klausanya dengan hakikat yang tunggal, misalnya kami katakan dalam menakrifkan “manusia” sebagai “sesuatu yang berjalan di atas dua kaki, mempunyai kuku yang

20. **وَالرَّسْمُ النَّاقِصُ وَهُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ عَرَضِيَّاتٍ تَخْتَصُّ جُمْلَتَهَا بِحَقِيقَةٍ وَاحِدَةٍ كَقَوْلِنَا فِي تَعْرِيفِ الْإِنْسَانِ إِنَّهُ مَا شِءٌ عَلَى قَدَمَيْهِ، عَرِيضُ الْأَطْفَارِ، بَادِي الْبَشَرَةِ، مُسْتَقِيمُ الْقَامَةِ، ضَحَّاكٌ بِالطَّبْعِ.**

lebar, mempunyai kulit yang tidak diselimuti oleh bulu, boleh berdiri tegak dan mampu tertawa secara tabii”.

Bahagian III

Pernyataan (Proposisi)

21. **Pernyataan** ialah ungkapan murakab yang dapat disahkan kebenaran atau kepalsuan ucapan sang pengucapnya.
21. الْقَضِيَّةُ قَوْلٌ يَصِحُّ أَنْ يُقَالَ لِقَائِهِ إِنَّهُ صَادِقٌ فِيهِ أَوْ كَاذِبٌ.
22. Pernyataan adalah sama ada pernyataan bersifat penggolongan (berkategori), misalnya “Zaid seorang penulis”; ataupun pernyataan bersyarat nasabah (konjungtif), misalnya “jika matahari terbit, maka hari pun siang”; ataupun pernyataan bersyarat penyarak (disjungtif), misalnya “bilangang adalah sama ada genap atau ganjil”.
22. وَهِيَ إِمَّا حَمَلِيَّةٌ كَقَوْلِنَا زَيْدٌ كَاتِبٌ. وَإِمَّا شَرْطِيَّةٌ مُتَّصِلَةٌ كَقَوْلِنَا إِنْ كَانَتِ الشَّمْسُ طَالَعَةً فَالْتَّهَارُ مَوْجُودٌ. وَإِمَّا شَرْطِيَّةٌ مُنْفَصِلَةٌ كَقَوْلِنَا الْعَدَدُ إِمَّا أَنْ يَكُونَ زَوْجًا أَوْ فَرْدًا.
23. Juzuk pertama pernyataan berkategori dinamakan subjek (mauduk), manakala juzuk kedua ialah predikat.
23. وَالْجُزْءُ الْأَوَّلُ مِنَ الْحَمَلِيَّةِ يُسَمَّى مَوْضُوعًا وَالثَّانِي مَحْمُولًا.
24. Juzuk pertama pernyataan bersyarat dinamakan anteseden (pendahulu), manakala juzuk kedua ialah konsekuen (pengiring).
24. وَالْجُزْءُ الْأَوَّلُ مِنَ الشَّرْطِيَّةِ يُسَمَّى مُقَدِّمًا وَالثَّانِي تَالِيًا.
25. Pernyataan adalah sama ada penegasan (positif), misalnya “Zaid seorang penulis”; ataupun penafian (negatif), misalnya “Zaid bukan penulis”.
25. وَالْقَضِيَّةُ إِمَّا مُوجِبَةٌ كَقَوْلِنَا زَيْدٌ كَاتِبٌ. وَإِمَّا سَالِبَةٌ كَقَوْلِنَا زَيْدٌ لَيْسَ بِكَاتِبٍ.

26. Setiap satu daripadanya adalah sama ada **terkhusus**, sebagaimana yang kami sebutkan sebelum ini (Zaid); ataupun **berkuantiti sejagat (umum)**, misalnya “semua manusia ialah penulis” dan “tiada manusia yang merupakan penulis”; ataupun **berkuantiti berjuzuk (khusus)**, misalnya “beberapa manusia ialah penulis” dan “beberapa manusia bukan penulis”.

26. وَكُلُّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا إِمَّا مَخْصُوصَةٌ كَمَا ذَكَرْنَا. وَإِمَّا كَلِمَةٌ مُسَوَّرَةٌ كَقَوْلِنَا كُلُّ إِنْسَانٍ كَاتِبٌ، وَلَا شَيْءَ مِنَ الْإِنْسَانِ يَكَاتِبُ. وَإِمَّا جُزْئِيَّةٌ مُسَوَّرَةٌ كَقَوْلِنَا بَعْضُ الْإِنْسَانِ كَاتِبٌ، وَبَعْضُ الْإِنْسَانِ لَيْسَ يَكَاتِبُ.

27. Pernyataan bersyarat nasabah adalah sama ada **berkelaziman**, misalnya “jika matahari terbit, maka hari pun siang”; ataupun **berkebetulan**, misalnya “jika manusia berfikir, maka keldai meringkik”.

27. وَالْمُتَّفِئَةُ إِمَّا لِرُومِيَّةٍ كَقَوْلِنَا إِنْ كَانَتِ الشَّمْسُ طَلَعَتْ فَالْتَّهَارُ مَوْجُودٌ. وَإِمَّا اتِّفَاقِيَّةٌ كَقَوْلِنَا إِنْ كَانَ الْإِنْسَانُ نَاطِقًا فَالْحِمَارُ نَاقِقٌ.

28. Pernyataan bersyarat penyarak adalah sama ada **berhakikat** iaitu sama-sama eksklusif benar dan palsu, misalnya “bilangan adalah sama ada genap atau ganjil”; ataupun **hanya eksklusif benar**, misalnya “benda ini adalah sama ada pokok atau batu”; ataupun **hanya eksklusif palsu**, misalnya “Zaid adalah sama ada di lautan atau dia tidak lemas”.

28. وَالْمُنْفَصِلَةُ إِمَّا حَقِيقَةٌ كَقَوْلِنَا الْعَدْدُ إِمَّا رَوْحٌ وَإِمَّا فَرْدٌ. وَهِيَ إِمَّا مَانِعَةٌ الْجَمْعِ وَالْخَلْقِ مَعًا كَمَا ذَكَرْنَا. وَإِمَّا مَانِعَةٌ الْجَمْعِ فَقَطْ كَقَوْلِنَا هَذَا الشَّيْءُ إِمَّا أَنْ يَكُونَ شَجَرًا أَوْ حَجَرًا. وَإِمَّا مَانِعَةٌ الْخَلْقِ فَقَطْ كَقَوْلِنَا زَيْدٌ إِمَّا أَنْ يَكُونَ فِي الْبَحْرِ، وَإِمَّا أَنْ لَا يَعْرِقَ.

29. Pernyataan bersyarat penyarak boleh mempunyai lebih daripada dua juzuk, misalnya “bilangan adalah sama ada bertambah atau berkurang atau bersamaan.”

29. وَقَدْ تَكُونُ الْمُنْفَصِلَاتُ ذَوَاتِ أَجْزَاءٍ كَقَوْلِنَا الْعَدْدُ إِمَّا زَائِدٌ أَوْ نَاقِصٌ أَوْ مُسَاوٍ.

30. **Pernyataan bercanggah**

(kontradiksi) ialah pertentangan antara dua pernyataan penegasan dan penafian dari aspek perbezaan zatnya yang mengimplicasikan kebenaran satu daripadanya dan kepalsuan yang lagi satu, misalnya “Zaid ialah penulis” berkontradiksi dengan “Zaid bukan penulis”.

30. التَّنَاقُضُ هُوَ اِخْتِلَافُ الْقَضِيَّتَيْنِ
بِالْإِيجَابِ وَالسَّلْبِ بِحَيْثُ يَفْتَضِي
لِدَاتِهِ أَنْ تَكُونَ إِحْدَاهُمَا صَادِقَةً
وَالْأُخْرَى كَاذِبَةً. كَقَوْلِنَا زَيْدٌ كَاتِبٌ زَيْدٌ
لَيْسَ بِكَاتِبٍ.

31. Pernyataan bercanggah ini tidak dapat disemak kecuali selepas berbetulan kedua-duanya pada subjek, predikat, masa, ruang, perhubungan (relasi), keperbakatan dan keperbuatan, keberjuzukan dan kesejagatan serta syarat-syaratnya. Misalnya, “Zaid ialah penulis” berkontradiksi dengan “Zaid bukan penulis”.

31. وَلَا يَتَحَقَّقُ ذَلِكَ إِلَّا بَعْدَ اتِّفَاقِهِمَا فِي
المَوْضُوعِ وَالْمَحْمُولِ وَالزَّمَانِ وَالْمَكَانِ
وَالْإِضَافَةِ وَالْقُوَّةِ وَالْفِعْلِ وَالْجُزْءِ وَالْكُلِّ
وَالشَّرْطِ. نَحْوُ زَيْدٌ كَاتِبٌ، زَيْدٌ لَيْسَ
بِكَاتِبٍ.

32. **Pernyataan sejagat penegasan** bercanggahan dengan **pernyataan jujuk penafian**. Misalnya, “semua manusia ialah haiwan” adalah bercanggahan dengan “beberapa manusia bukan haiwan”.

32. فَتَقْبِضُ الْمُوجِبَةُ الْكُلِّيَّةُ إِذَا هِيَ
السَّالِبَةُ الْجُزْئِيَّةُ. كَقَوْلِنَا كُلُّ إِنْسَانٍ
حَيَوَانٌ، وَبَعْضُ الْإِنْسَانِ لَيْسَ بِحَيَوَانٍ.

33. **Pernyataan sejagat penafian** bercanggahan dengan **pernyataan jujuk penegasan**. Misalnya, “tiada manusia yang merupakan haiwan” bercanggahan dengan “beberapa manusia ialah haiwan”.

33. وَتَقْبِضُ السَّالِبَةُ الْكُلِّيَّةُ إِذَا هِيَ
الْمُوجِبَةُ. كَقَوْلِنَا لَا شَيْءٌ مِنَ الْإِنْسَانِ
بِحَيَوَانٍ، وَبَعْضُ الْإِنْسَانِ حَيَوَانٌ.

34. **Kedua-dua pengkuantiti (kuantifier)** tidak dapat disemak kecuali selepas berselisihan kedua-duanya pada kuantiti kerana dua pernyataan sejagat adalah palsu pada masa yang sama. Misalnya, “semua manusia ialah penulis” dan “tiada manusia yang merupakan penulis”. Manakala, dua pernyataan jujuk adalah benar pada masa yang sama. Misalnya, “beberapa manusia ialah penulis” dan “beberapa manusia bukan penulis”.

34. وَالْمَحْصُورَاتِ لَا يَتَحَقَّقُ التَّنَاقُضُ
بَيْنَهُمَا إِلَّا بَعْدَ اخْتِلَافِهِمَا فِي الْكَمِّيَّةِ
لِأَنَّ الْكُلِّيَّيْنِ قَدْ تَكَدَّبَانِ. كَقَوْلِنَا كُلُّ
إِنْسَانٍ كَاتِبٌ، وَلَا شَيْءٌ مِنَ الْإِنْسَانِ
بِكَاتِبٍ. وَالْجُزْئِيَّتَيْنِ قَدْ تَصَدَّقَانِ.
كَقَوْلِنَا بَعْضُ الْإِنْسَانِ كَاتِبٌ، وَبَعْضُ
الْإِنْسَانِ لَيْسَ بِكَاتِبٍ.

35. **Pengalihan (konversi)** ialah penukaran kedudukan subjek sebagai predikat dan predikat sebagai subjek dengan memelihara keadaan penafian dan penegasannya, begitu juga keadaan benar dan palsunya.

35. الْعَكْسُ هُوَ أَنْ يَصِيرَ الْمَوْضُوعُ
مَحْمُولًا. وَالْمَحْمُولُ مَوْضُوعًا مَعَ بَقَاءِ
السَّلْبِ وَالْإِجَابِ بِحَالِهِ وَالتَّصْدِيقِ
وَالتَّكْذِيبِ بِحَالِهِ.

36. **Pernyataan sejagat penegasan** tidak beralih dengan pernyataan sejagat juga kerana adalah benar bahawa “semua manusia ialah haiwan”, namun tidak benar bahawa “semua haiwan ialah manusia”. Walau bagaimanapun, pernyataan sejagat penegasan beralih dengan pernyataan jujuk kerana adalah benar bahawa “semua manusia ialah haiwan”, begitu juga “beberapa haiwan ialah manusia”. Kami juga mendapati bahawa apa jua yang disifatkan oleh manusia dan haiwan turut mengimplicasikan “beberapa haiwan ialah manusia”.

36. وَالْمَوْجِبَةُ الْكُلِّيَّةُ لَا تَنْعَكِسُ كُلِّيَّةً إِذْ
يَصْدُقُ قَوْلُنَا كُلُّ إِنْسَانٍ حَيَوَانٌ وَلَا
يَصْدُقُ كُلُّ حَيَوَانٍ إِنْسَانٌ. بَلْ
تَنْعَكِسُ جُزْئِيَّةً لِأَنَّهَا إِذَا أَقْلْنَا كُلُّ
إِنْسَانٍ حَيَوَانٌ يَصْدُقُ بَعْضُ الْحَيَوَانِ
إِنْسَانًا، فَإِنَّا نَجِدُ شَيْئًا مَوْصُوفًا
بِالْإِنْسَانِ وَالْحَيَوَانِ فَيَكُونُ بَعْضُ
الْحَيَوَانِ إِنْسَانًا.

37. Pernyataan **juzuk penegasan** beralih juga dengan pernyataan **juzuk** kerana hujahan disebut sebelumnya.

37. وَالْمَوْجِبَةُ الْجَزِيئَةُ أَيْضًا تَنْعَكِسُ جَزِيئَةً
بِهَذِهِ الْحُجَّةِ

38. Pernyataan **sejagat penafian** beralih dengan pernyataan **sejagat penafian**. Hal ini adalah swa-terbukti kerana adalah benar bahawa “tiada manusia yang merupakan batu”, begitu juga “tiada batu yang merupakan manusia”.

38. وَالسَّالِبَةُ الْكُلِّيَّةُ تَنْعَكِسُ سَّالِبَةً كُلِّيَّةً،
وَذَلِكَ بَيِّنٌ بِنَفْسِهِ لِأَنَّهُ إِذَا صَدَقَ لَا
شَيْءٌ مِنَ الْإِنْسَانِ بِحَجَرٍ، صَدَقَ لَا
شَيْءٌ مِنَ الْحَجَرِ بِإِنْسَانٍ.

39. Pernyataan **juzuk penafian** secara lazimnya tidak beralih kerana adalah benar bahawa “beberapa manusia bukan haiwan” namun penukarannya adalah tidak benar.

39. وَالسَّالِبَةُ الْجَزِيئَةُ لَا عَكْسَ لَهَا لُرُومًا،
فَإِنَّهُ يَصْدُقُ بَعْضُ الْحَيَوَانَ لَيْسَ
بِإِنْسَانٍ، وَلَا يَصْدُقُ عَكْسُهُ.

Bahagian IV Silogisme

40. **Silogisme** ialah ungkapan yang disebutkan atau difikirkan yang terbina daripada ungkapan-ungkapan yang apabila ungkapan-ungkapan tersebut diterima sebagai benar zatnya akan melazimkan kebenaran ungkapan yang lainnya.

40. الْقِيَاسُ هُوَ قَوْلٌ مَلْفُوظٌ أَوْ مَعْمُولٌ
مُؤَلَّفٌ مِنْ أَقْوَالٍ مَتَى سُلِّمَتْ لَرِمَ عَنْهَا
لِدَاتِهَا قَوْلٌ آخَرٌ.

41. Silogisme adalah sama ada **silogisme bersifat penggolongan (berkategori)**, misalnya “semua jasmani adalah terbina, semua yang terbina adalah baharu (diciptakan), maka semua jasmani adalah baharu”;

41. وَهُوَ إِمَّا اقْتِرَابِيٌّ كَقَوْلِنَا كُلُّ جِسْمٍ
مُؤَلَّفٌ وَكُلُّ مُؤَلَّفٍ حَادِثٌ فَكُلُّ جِسْمٍ
حَادِثٌ.

42. ataupun **silogisme bersyarat**, misalnya “jika matahari terbit, maka hari pun siang, tetapi hari tidaklah siang, maka matahari tidaklah terbit”.

42. وَإِمَّا اسْتِثْنَائِيٌّ كَقَوْلِنَا إِنْ كَانَتْ
الشَّمْسُ طَالِعَةً فَالنَّهَارُ مَوْجِدٌ لَكِنْ
النَّهَارُ لَيْسَ بِمَوْجُودٍ فَالشَّمْسُ لَيْسَتْ
بِطَالِعَةٍ.

43. **Ungkapan penengah** ialah ungkapan yang berulang dalam kedua-dua premis dalam silogisme. **Ungkapan minor** ialah subjek perkara yang dicari (natijah), manakala **ungkapan major** pula ialah predikat perkara yang dicari itu.

43. وَالْمَكْرَرُ بَيْنَ مُقَدِّمَتَيِ الْقِيَاسِ يُسَمَّى
حَدًّا أَوْسَطًا. وَمَوْضُوعُ الْمَطْلُوبِ
يُسَمَّى حَدًّا أَصْغَرَ وَتَحْمُولُهُ يُسَمَّى
حَدًّا أَكْبَرَ.

44. Premis yang mengandung ungkapan minor dikenali sebagai **premis minor**, manakala premis yang mengandung ungkapan major dikenali sebagai **premis major**.

44. وَالْمَقْدَمَةُ الَّتِي فِيهَا الْأَصْغَرُ تُسَمَّى صُغْرَى وَالَّتِي فِيهَا الْأَكْبَرُ تُسَمَّى كُبْرَى.

45. **Bentuk silogisme berkategori** ialah bentuk tergubah premis-premis. Terdapat empat bentuk.

45. وَهَيْئَةُ التَّالِيفِ تُسَمَّى شَكْلًا وَالْأَشْكَالُ أَرْبَعَةٌ

46. **Bentuk pertama** adalah apabila ungkapan penengah menjadi predikat premis minor dan subjek premis major. **Bentuk keempat** ialah pengalihan bentuk pertama (ungkapan penengah menjadi subjek premis minor dan predikat premis major). **Bentuk ketiga** adalah apabila ungkapan penengah menjadi subjek kepada kedua-dua premis. **Bentuk kedua** adalah apabila ungkapan penengah menjadi predikat kepada kedua-dua premis.

46. لِأَنَّ الْحَدَّ الْأَوْسَطَ إِنْ كَانَ مَحْمُولًا فِي الصُّغْرَى مَوْضُوعًا فِي الْكُبْرَى فَهُوَ الشَّكْلُ الْأَوَّلُ. وَإِنْ كَانَ بِالْعَكْسِ فَهُوَ الرَّابِعُ. وَإِنْ كَانَ مَوْضُوعًا فِيهِمَا فَهُوَ الثَّلَاثُ. وَإِنْ كَانَ مَحْمُولًا فِيهِمَا فَهُوَ الثَّانِي.

47. Bentuk kedua kembali kepada bentuk pertama melalui pengalihan pada premis major. Bentuk ketiga kembali kepada bentuk pertama melalui pengalihan premis minor. Bentuk keempat kembali kepada bentuk pertama dengan pengalihan susunannya atau pengalihan kedua-dua premis.

47. وَالشَّكْلُ الثَّانِي مِنْهَا يَرْتَدُّ إِلَى الْأَوَّلِ بِعَكْسِ الْكُبْرَى. وَالثَّلَاثُ يَرْتَدُّ إِلَيْهِ بِعَكْسِ الصُّغْرَى. وَالرَّابِعُ يَرْتَدُّ إِلَيْهِ بِعَكْسِ التَّرْتِيبِ أَوْ بِعَكْسِ الْمُقَدِّمَتَيْنِ جَمِيعًا.

48. Bentuk pertama menatijahkan dengan sempurna dan jelas kesimpulannya. Bentuk keempat

48. وَالْكَامِلُ الْبَيِّنُ الْإِنْتِاجِ هُوَ الْأَوَّلُ. وَالشَّكْلُ الرَّابِعُ مِنْهَا بَعِيدٌ عَنِ الطَّبَعِ

adalah yang paling tidak sesuai (tidak tabii) untuk digunakan. Seseorang yang tabiinya bernas dan akalunya sejahtera pula tidak perlu mengalihkan bentuk kedua kepada bentuk pertama untuk menatijahkan kesimpulan.

جِدًّا. وَالَّذِي لَهُ طَبَعٌ مُسْتَقِيمٌ وَعَمَلٌ
سَلِيمٌ لَا يَخْتِجُ إِلَى رَدِّ الثَّانِي إِلَى
الْأَوَّلِ.

49. Sesungguhnya bentuk kedua menatijahkan kesimpulan apabila terdapat perbezaan antara premis dari aspek penegasan dan penafian.

49. وَإِنَّمَا يُنْتِجُ الثَّانِي عِنْدَ اخْتِلَافِ
مُقَدِّمَتَيْهِ بِالْإِيجَابِ وَالسَّلْبِ.

50. Bentuk pertama dijadikan piawaian ilmu pengetahuan, maka kami jelaskannya untuk dijadikan pedoman dan untuk dideduksikan daripadanya semua tuntutan. Syarat untuk menatijahkan kesimpulannya ialah premis minor perlu bersifat penegasan dan premis major perlu sejagat.

50. وَالشُّكْلُ الْأَوَّلُ هُوَ الَّذِي يُجْعَلُ مِعْيَارًا
لِلْعُلُومِ فَنَوْرِدُهُ لِيُجْعَلَ دُسْتُورًا.
وَلَيْسَتْ تَنْتَجِ مِنْهُ الْمَطَالِبُ كُلُّهَا. وَشَرْطُ
إِنْتِجَاجِهِ إِيجَابُ الصَّغْرَى وَكِلْيَةُ الْكُبْرَى.

51. Terdapat empat mode penyimpulan: **mode pertama**, “semua jasmani adalah terbina dan semua yang terbina adalah baharu, maka semua jasmani adalah baharu”; **mode kedua**, “semua jasmani adalah terbina dan tiada perkara yang terbina adalah qadim (tidak berpermulaan), maka tiada jasmani adalah qadim”; **mode ketiga**, “beberapa jasmani adalah terbina dan semua yang terbina adalah baharu, maka beberapa jasmani adalah baharu”; dan **mode keempat**,

51. وَضُرُوبُهُ الْمُنْتِجَةُ أَرْبَعَةٌ الصَّرْبُ الْأَوَّلُ
كُلُّ جِسْمٍ مُؤَلَّفٌ وَكُلُّ مُؤَلَّفٍ مُخَدَّثٌ
فَكُلُّ جِسْمٍ مُخَدَّثٌ. الثَّانِي كُلُّ جِسْمٍ
مُؤَلَّفٌ وَلَا شَيْءٌ مِنَ الْمُؤَلَّفِ بِقَدِيمٍ،
فَلَا شَيْءٌ مِنَ الْجِسْمِ بِقَدِيمٍ. الثَّلَاثُ
بَعْضُ الْجِسْمِ مُؤَلَّفٌ وَكُلُّ مُؤَلَّفٍ
حَادِثٌ فَبَعْضُ الْجِسْمِ حَادِثٌ. الرَّابِعُ
بَعْضُ الْجِسْمِ مُؤَلَّفٌ وَلَا شَيْءٌ مِنَ

“beberapa jasmani adalah terbina dan tiada perkara yang terbina adalah qadim, maka beberapa jasmani tidaklah qadim”.

المؤلف بقديم فبعض الجسم ليس
بقديم.

52. Silogisme berkategori adalah sama ada terbina daripada dua pernyataan berkategori sebagaimana yang telah dijelaskan;

52. والقياس الإقترابي إما أن يتركب من
جمليتين كما مر.

53. ataupun terbina daripada dua pernyataan bersyarat nasabah, misalnya “jika matahari terbit, maka hari pun siang dan setiap kali hari siang, bumi pun diterangi, maka jika matahari terbit, bumi pun diterangi”;

53. وإما من متصلتين كقولنا إن كانت
الشمس طالعة فالتهار موجود وكلما
كان النهار موجوداً فالأرض مضيئة
يُنتج إن كانت الشمس طالعة
فالأرض مضيئة.

54. ataupun terbina daripada dua pernyataan bersyarat penyarak, misalnya “semua bilangan adalah sama ada genap atau ganjil dan semua bilangan genap adalah sama ada gandaan dua bilangan genap atau gandaan dua bilangan ganjil, maka semua bilangan adalah sama ada bilangan ganjil atau gandaan dua bilangan genap atau gandaan dua bilangan ganjil”.

54. وإما مركب من منفصلتين كقولنا
كل عدد إما زوج أو فرد وكل زوج
فهو إما زوج الزوج أو زوج الفرد ينتج
كل عدد إما فرد أو زوج الزوج أو
زوج الفرد.

55. Silogisme bersyarat yang bercanggahan konsekuennya menatijahkan percanggahan anteseden, misalnya “jika perkara ini ialah manusia, maka ia ialah haiwan dan dia bukan haiwan, maka dia bukanlah manusia”.

55. واستثناء نقيض التالي يُنتج نقيض
المقدم كقولنا إن كان هذا الشيء
إنساناً فهو حيوان لكنه ليس بحيوان
فلا يكون إنساناً.

56. Sekiranya pernyataan bersyarat penyarak sama-sama eksklusif, maka percanggahan salah satu ungkapan daripada dua juzuk dalam silogisme bersyarat menatijahkan kepada juzuk yang lainnya, misalnya “bilangan adalah sama ada genap atau ganjil dan bilangan ini adalah genap, maka ia bukanlah ganjil” atau “bilangan adalah sama ada genap atau ganjil dan bilangan ini adalah ganjil, maka ia bukanlah genap” dan, maka percanggahan salah satu daripada dua juzuk dalam silogisme bersyarat menatijahkan kepada ungkapan yang lainnya.

56. وَإِنْ كَانَتْ مُنْفَصِلَةً حَقِيقَةً فَاسْتِثْنَاءُ
عَيْنِ أَحَدِ الْجُزْأَيْنِ يُنتِجُ نَقِيضَ الْجُزْأِ
الثَّانِي. كَقَوْلِنَا الْعَدْدُ إِمَّا زَوْجٌ أَوْ فَرْدٌ
لَكِنَّهُ زَوْجٌ يُنتِجُ أَنَّهُ لَيْسَ بِفَرْدٍ أَوْ لَكِنَّهُ
فَرْدٌ يُنتِجُ أَنَّهُ لَيْسَ زَوْجًا. وَاسْتِثْنَاءُ
نَقِيضِ أَحَدِهِمَا يُنتِجُ عَيْنَ الثَّانِي.

Bahagian V Seni Hujahan

57. **Pembuktian (demonstrasi)** ialah silogisme yang terbina daripada premis-premis yang meyakinkan untuk menatijahkan kesimpulan yang meyakinkan juga.
57. **الْبُرْهَانُ هُوَ قِيَاسٌ مُؤَلَّفٌ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ يَقِينَةٍ لِإِتِّجَاعِ الْيَقِينِيَّاتِ.**
58. Hal-hal yang meyakinkan terbahagi kepada: **premis-premis asas**, misalnya “satu ialah setengah daripada dua” dan “keseluruhan adalah lebih besar daripada sebahagian”;
58. **وَالْيَقِينِيَّاتُ أَفْسَامٌ: أَحَدُهَا أَوْلِيَّاتٌ كَقَوْلِنَا الْوَاحِدُ نِصْفُ الْإِثْنَيْنِ وَالْكُلُّ أَعْظَمُ مِنَ الْجُزْءِ.**
59. **premis-premis penyaksian**, misalnya “matahari itu bersinar” dan “api itu membakar”;
59. **وَمُشَاهَدَاتٌ كَقَوْلِنَا الشَّمْسُ مُشْرِقَةٌ وَالنَّارُ مُحْرِقَةٌ.**
60. **premis-premis pengalaman**, misalnya “tumbuhan *Convolvulus scammonia* dapat melegakan jaundis (penyakit kuning)”;
60. **وَمُجْرِبَاتٌ كَقَوْلِنَا السَّقْمُونِيَا مُسَهِّلَةٌ لِلصَّفْرَاءِ.**
61. **premis-premis intuitif**, misalnya “cahaya bulan diperoleh daripada sinar mentari”;
61. **وَوَحْدِسِيَّاتٌ كَقَوْلِنَا نُورُ الْقَمَرِ مُسْتَقَادٌ مِنْ نُورِ الشَّمْسِ.**
62. **premis-premis mutawatir** (fakta bersejarah), misalnya “Muhammad SAW mendakwa kenabian dan memanifestasi mukjizat dengan tangannya”;
62. **وَمُتَوَاتِرَاتٌ كَقَوْلِنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ادَّعَى النُّبُوَّةَ، وَظَهَرَتْ الْمِعْجَزَةُ عَلَى يَدِهِ.**

63. **pernyataan-pernyataan yang silogisme ada bersamanya**, misalnya “empat ialah angka genap” yang dideduksikan melalui perantara yang hadir dalam minda iaitu boleh dibahagi kepada dua bahagian yang sama.

63. **وَقَضَايَا قِيَاسَاتُهَا مَعَهَا. كَقَوْلِنَا الْأَرْبَعَةُ رَوْحٌ بِسَبَبِ وَسَطٍ حَاضِرٍ فِي الدَّهْنِ وَهُوَ الْإِنْسَامُ بِمِثْسَاوَيْنِ.**

64. **Dialektik (jidal)** ialah silogisme yang terbina daripada premis-premis yang masyhur lagi dipersetujui oleh masyarakat awam atau di antara dua pertentangan, seperti “keadilan adalah kebaikan” dan “kezaliman ialah kejahatan”.

64. **وَالْجَدَلُ وَهُوَ قِيَاسٌ مُؤَلَّفٌ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ مَشْهُورَةٍ لَا مُسَلَّمَةٌ عِنْدَ النَّاسِ أَوْ عِنْدَ الْحَضَمِيِّينَ. كَقَوْلِنَا الْعَدْلُ حَسَنٌ وَالظُّلْمُ قَبِيحٌ.**

65. **Pemujukan (retorik)** ialah silogisme yang terbina daripada premis-premis yang diterima melalui individu yang bijak memujuk kepada dirinya atau terbina daripada anggapan-anggapan.

65. **وَالْحَطَابَةُ وَهِيَ قِيَاسٌ مُؤَلَّفٌ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ مَقْبُولَةٍ مِنْ شَخْصٍ مُعْتَقَدٍ فِيهِ أَوْ مَطْنُونَةٍ.**

66. **Syair** ialah silogisme yang terbina daripada premis-premis yang diterima berdasarkan khayalan yang mengembangkan atau mengecutkan jiwa seseorang.

66. **وَالشَّعْرُ وَهُوَ قِيَاسٌ مُؤَلَّفٌ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ مَقْبُولَةٍ مُتَخَيَّلَةٍ تَنْبَسِطُ مِنْهَا النَّفْسُ أَوْ تَنْقَبِضُ.**

67. **Falasi** ialah silogisme yang terbina daripada premis-premis yang palsu lagi menyerupai kebenaran atau premis-premis yang masyhur atau premis-premis yang waham lagi palsu.

67. **وَالْمُغَالَطَةُ وَهِيَ قِيَاسٌ مُؤَلَّفٌ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ كَاذِبَةٍ شَبِيهَةٍ بِالْحَقِّ أَوْ بِالْمَشْهُورِ أَوْ مِنْ مُقَدِّمَاتٍ وَهْمِيَّةٍ كَاذِبَةٍ.**

68. Hujahan yang paling dipercayai ialah **demonstrasi**, bukanlah yang selainnya.

68. وَالْعُمْدَةُ هُوَ الْبُرْهَانُ لَا غَيْرُ.

69. Demikian ini mengakhiri risalah tentang ilmu mantik. Daku berdoa kepada Allah Taala agar ia bermanfaat buat kalian.

69. وليكن هذا آخر الرسالة في المنطق.

أدعو الله تعالى أن ينفعكم به.

70. Tamat.

70. انْتَهَى.

